Ucapan YBM

Su (Politik)

Ucapan : ADHo 582 201/80

583-202/80

Ucapan YB Menteri Pelajaran di Persidangan Akhbar
berkenaan dengan Laporan Keciciran pada 10.5.1973
di Kementerian Pelajaran pada jam 10.00 pagi

---

Laporan Kajian Keciciran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran telah disampaikan kepada Kerajaan. Oleh kerana pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan di dalamnya adalah sangat meluas dan melibatkan bukan sahaja Kementerian Pelajaran tetapi juga Kementerian-Kementerian lain serta juga ibubapa-ibubapa, guru-guru, murid-murid dan masyarakat seluruhnya, maka Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa terdiri daripada pegawai-pegawai yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran untuk mengkaji secara mendalam laporan ini. Jawatankuasa ini dijangka akan menyiapkan laporannya dalam masa tiga bulan.

Laporan ini ialah dalam Bahasa Inggeris dan sedang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Laporan ini sedang dicetak untuk orang ramai. Sementara itu saya akan memberi laporan ini kepada akhbar dan saya meminta kerjasama tuan-tuan untuk menyiar dan menyebarkan laporan ini melalui surat-suratkhabar tuan.

Orang ramai dipelawa untuk memberikan komen-komen dan pandangan mereka kepada jawatankuasa itu.

Saya suka membincangkan dengan tuan-tuan dan puan-puan semua bagaimanakah caranya yang paling baik untuk laporan ini disampaikan pada pengetahuan orang ramai melalui surat-suratkhabar, radio dan talivisyen.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam pengkajian dan pengeluaran laporan ini. Laporan ini dan kajiannya mengambil masa setahun setengah untuk menyiapkannya dan telah menelan belanja sebanyak $250,000 dan melibatkan ramai orang, pertubuhan-pertubuhan dan jabatan-jabatan Kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Ford yang telah mengadakan seorang Professor iaitu Professor Alan Wilson daripada Universiti Berkeley, California, yang banyak bertanggungjawab dalam segi teknikal kajian ini,

...2

Encik Chander, Ketua Perangkaan dan kakitangan beliau terutama sekali pegawai-pegawai luarnya yang telah mengendalikan kerja-kerja luar, menemuduga 5,000 belia-belia di seluruh Malaysia Barat. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru besar, guru-guru, beribu-ribu orang murid-murid daripada berbagai sekolah yang telah ditemuduga, kakitangan akademik Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains Malaysia, dan juga pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri di atas bantuan dan kerjasama yang mereka berikan; kepada pegawai-pegawai Bahagian Perancang dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran terutama sekali Encik Wan Zahid bin Nordin yang telah menyedia, menyemak dan mengeluarkan laporan ini. Sekarang saya menjemput Encik Murad untuk memberi taklimat kepada tuan-tuan dan puan-puan berkenaan dengan setengah-setengah pendapat-pendapat dan syor-syor laporan itu.

Kementerian Pelajaran,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

10hb Mei, 1973.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★

AH0/4

No. Siri 546

No Penerimaan 191/80

Ucapan2 ADHO
583
202/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran di Persidangan Akhbar berkenaan dengan Lapuran Keciciran pada 10.5.1973 di Kementerian Pelajaran pada jam pukul 10.00 pagi

The Report of the Drop-out Study prepared by the Ministry of Education has been submitted to the Government. As the findings and the recommendations are far reaching and involving not only the Ministry of Education but also other Ministries as well as parents, teachers, pupils and indeed the whole society, the Government has set up a Committee of Officials headed by the Secretart-General of the Ministry of Education to study the report in depth. The Committee is expected to submit its report to the Government in three months time.

The Report which is in English is being translated into Bahasa Malaysia. They will be printed and made available to the public.

In the meanwhile, I am making available to the press the report and I seek co-operation from you in publicising it through your newspapers.

The public is invited to submit their comments and views to the Committee.

I would like to discuss with you how best the report could be presented to the public through the medium of your newspapers, radio and television.

I am also taking this opportunity to thank all those involved in conducting the study and producing the report. The Report and the study which took one and a half years to complete at a cost of $250,000 involved a large number of persons, organisations and government departments. I wish to thank the Ford Foundation which made available to us Professor Alan Wilson from the University of Berkeley, California who was mainly responsible for the technical aspect of the work, Encik Chander the Chief Statistician, and his staff, especially his field staff, who conducted the field work of interviewing 5,000 youths all over West Malaysia, head masters, teachers, thousands of pupils in our various schools whom we interviewed, members of the Faculty of Education of the University of Malaya, the academic staff ot the Universiti Kebangsaan and

2/-

Universiti Sains Malaysia and also officials of the Ministry of Education, State Education Departments for their assistance and co-operation; officials of the Educational Planning and Research Division of the Ministry of Education, especially Encik Wan Zahid bin Nordin, for the preparation, editing and production of this report. I now invite Encik Murad to brief you broadly on some of the findings and recommendations of the report.

Universiti Sains Malaysia and also officials of the Ministry of Education, State Education Departments for their assistance and cooperation; officials of the Educational Planning and Research Division of the Ministry of Education, especially Encik Wan Zahid bin Noordin, for the preparation, editing and production of this report. I now invite [illegible] to brief you broadly on some of the findings and recommendations of the report.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
A40/4

No Siri 546
No Penerimaan 191/80